

Lawatan PM ke Pakistan dijangka buka lembaran baharu

Islamabad: Lawatan tiga hari Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Pakistan bermula semalam, dijangka membuka lembaran baharu dalam hubungan dua hala kedua-dua negara yang sudah terjalin sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan, Datuk Mohammad Azhar Mazlan, berkata kerajaan Pakistan menaruh harapan yang tinggi terhadap kunjungan Anwar ke Islamabad, terutama dalam memacu hubungan diplomatik kedua-dua negara ke tahap lebih tinggi merangkumi pelbagai bidang berkepentingan bersama.

“Lawatan Perdana Menteri akan membuka lembaran baharu dalam hubungan diplomatik Malaysia dan Pakistan yang sudah pun terjalin sejak Malaysia men-

capai kemerdekaannya.

“Kerajaan Pakistan juga sudah menaik taraf lawatan Perdana Menteri ini daripada lawatan rasmi kepada lawatan negara.

“Hubungan di antara Malaysia dan Pakistan ditakrifkan sebagai hubungan persaudaraan akrab di antara dua negara Islam, berlandaskan kepada prinsip saling hormat menghormati di antara satu sama lain serta hubungan antara rakyat yang rapat,” katanya.

Mohammad Azhar memberitahu kepada media Malaysia pada sidang media yang diadakan di bangunan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini kelmarin.

Mohammad Azhar berkata, Malaysia dan Pakistan memeterai perjanjian sebagai Rakan Perkongsian Strategik sejak 2019 dengan Pakistan adalah destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia

di rantau Asia Selatan sejak 2016.

“Nilai dagangan antara kedua-dua negara pada 2023 berjumlah RM6.43 bilion dengan eksport Malaysia sebanyak RM4.39 bilion manakala import Malaysia dari Pakistan sebanyak RM2.04 bilion, menjadikan lebihan dagangan RM2.34 bilion bagi pihak Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, nilai dagangan dicatatkan kedua-dua negara adalah RM5.10 bilion.

Bertemu rakan sejawat

Kuala Lumpur dan Islamabad juga sudah memeterai Perjanjian Perkongsian Ekonomi Lebih Erat (MPCEPA) pada 2008 yang meliputi perdagangan barangan, pelaburan serta kerjasama teknikal.

Mohammad Azhar berkata, Perdana Menteri mempunyai jadual padat sepanjang lawatannya ke Pakistan sebaik sahaja pesawat khas membawa beliau mendarat di Pangkalan Udara Nur Khan, Rawalpindi malam tadi.

Pada hari kedua lawatan beliau, Anwar dijadual mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatnya, Shehbaz Sharif, diikuti mesyuarat dua hala membabitkan delegasi kedua-dua negara di kediaman rasmi Perdana Menteri Pakistan itu.

“Mesyuarat dua hala yang akan diadakan selepas pertemuan terhad di antara Perdana Menteri dan rakan sejawatannya daripada Pakistan itu dijangka meneliti pelbagai isu kerjasama, termasuk hubungan perdagangan, pelaburan, pendidikan, serta kesalinghubungan antara kedua-dua negara,” katanya.

Beliau berkata, kedua-dua pemimpin juga dijadual menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Perdagangan Pakistan (TDAP) serta MoU antara Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan Pihak Berkuasa Telekomunikasi Pakistan (TPA).

Mohammad Azhar berkata, Anwar dan Shehbaz juga akan melancarkan terjemahan terpilih karyawan terkenal Pakistan iaitu Allama Muhammad Iqbal ke dalam Bahasa Melayu dan buku Malaysia MADANI ke dalam Bahasa Urdu.

Kedua-dua pemimpin Malaysia dan Pakistan dijadual mengadakan sidang media selepas itu.